

# **PANGLIMA ATM, JENERAL TAN SRI ABDUL AZIZ ZAINAL DIANUGERAHKAN IJAZAH KEHORMAT DOKTOR FALSAFAH (PENGURUSAN)**

Mantan Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Tan Sri Abdul Aziz Zainal baru-baru ini telah dianugerahkan Ijazah Kehormat (Pengurusan) bersempena dengan Majlis Konvokesyen UMS yang Ke-10 baru-baru ini. Penganugerahan yang diberi berdasarkan sumbangan besar beliau khususnya dalam pengurusan & pentadbiran ketenteraan.

Sikap kepimpinan yang beliau tonjolkan telah berjaya membawa ATM ke satu tahap yang gemilang. Sebelum itu delegasi dari Sekolah Perniagaan & Ekonomi yang diketuai oleh Dekan, Prof. Madya Dr. Hj. Kasim Hj. Md Mansur bersama ahli rombongan yang terdiri dari Prof. Madya Dr. Raja Azimah Raja Hamzah, Prof. Madya Dr. Hjh Arsiah Bahron, Pg. Hassanah Bahar Pg. Bagul dan En. Samasuddin Hj. Yusop telah melakukan kunjungan rasmi bagi menyampaikan hasrat penganugerahan Ijazah Kehormat di pejabat rasmi Panglima Angkatan Tentera tersebut di Kuala Lumpur. Tan Sri Abdul Aziz Zainal yang berasal dari Negeri Sembilan memulakan karier dalam tentera sejak 1971 dan telah melalui pelbagai cabaran dan pengalaman sepanjang pembabitannya dalam tentera sehinggalah menjawat jawatan tertinggi sejak Februari 2007.

